

17/12/2001

Ekonomi negara tahun depan cerah

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin prospek ekonomi negara tahun depan cerah kerana ada petunjuk pemulihan selepas serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 September lalu.

Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia yang dijangka tumbuh antara 0.5 dan 1 peratus tahun ini, akan menjadi lebih baik.

"Orang ramai kini kembali berbelanja dan melancong dan saya percaya dalam tempoh sebulan dua kegiatan itu bertambah rancak, walaupun jumlahnya tidak sama (seperti dulu).

"Tetapi ini semua mencukupi untuk menyumbang kepada ekonomi negara kita. Tahun depan kita percaya ia (ekonomi) akan tumbuh lebih baik daripada tahun ini," katanya selepas mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya di Seri Perdana di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan dalam suku tahunan ketiga dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenarnya berkembang 0.8 peratus berbanding suku sebelumnya.

Bagaimanapun pada asas tahunan, KDNK pada tempoh itu menguncup 1.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Bagi seluruh tempoh sembilan bulan tahun ini pula pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah 0.7 peratus.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, seluruh dunia mengalami zaman ekonomi yang teruk dan Malaysia sebagai negara perdagangan, turut terjejas berikutan keadaan muram itu.

"Kita adalah negara perdagangan dan jika (negara di) dunia tidak menunjukkan prestasi baik, sudah pasti mereka tidak akan membeli barangan yang kita hasilkan.

"Tetapi kita menjana pertumbuhan ekonomi menerusi aktiviti domestik dan kita dapat melihat perniagaan runcit amat baik, semua kompleks beli-belah penuh dengan manusia yang bukan sekadar berada di situ tetapi mereka membeli barangan, dan saya berpendapat ini sangat baik," katanya.

Ditanya apakah perangkaan pertumbuhan KDNK negara bagi seluruh tahun ini, beliau berkata: "Ia mungkin berkembang satu peratus tetapi disebabkan keadaan (ekonomi dunia) begitu sukar, mungkin 0.5 peratus bagi tahun ini".

Sebelum ini, Dr Mahathir berkata, negara mampu mencatat pertumbuhan positif bagi keseluruhan tahun 2001 dengan pelaksanaan pakej rangsangan fiskal RM4.3 bilion yang diumumkan kerejaan baru-baru ini sebagai tambahan kepada RM3 bilion yang diumumkan sebelum itu.

Penganalisis ekonomi ketika dihubungi bagaimanapun berkata, prospek pertumbuhan ekonomi tahun depan, banyak bergantung kepada perkembangan luar yang masih sukar dan mencabar.

"Meskipun pertumbuhan suku ketiga adalah negatif, Malaysia masih berjaya mengelak kemelesetan dalam sembilan bulan pertama tahun ini.

"Berdasarkan penilaian kami, pertumbuhan KDNK bagi seluruh tahun ini juga kekal pada paras positif," kata penganalisis terbabit yang sependapat dengan analisis Bank Negara.

(END)